

# Lebih 10,000 pesakit masih menunggu organ

**SHAH ALAM** - Seramai 10,357 pesakit direkodkan sedang menunggu untuk mendapatkan pelbagai organ selepas kematian penderma.

Pusat Sumber Transplan Nasional (PSTN) memaklumkan, mereka yang terlibat merupakan pesakit yang mengalami kegagalan organ peringkat akhir dan telah menjalani ujian saringan bagi pembedahan transplantasi.

Mereka juga golongan yang bersedia pada bila-bila masa untuk menerima organ baharu sekiranya ada penderma selepas kematian yang bersesuaian.

“Pelbagai ujian saringan awal perlu dilengkapkan oleh bakal penerima supaya pusat transplantasi mempunyai data yang lengkap bagi sesuai padan dengan maklumat penderma,” menurutnya dalam kenyataan di laman Facebook Derma Organ pada Rabu.

Berdasarkan statistik PSTN, hanya 19 orang penderma sebenar selepas kematian direkodkan pada Januari hingga Jun tahun ini.

Pendaftaran sebagai pengikrar derma organ boleh dilakukan menerusi pautan <https://bit.ly/ikrardermaorgan>.

## SENARAI PESAKIT MENUNGGU ORGAN DARI PENDERMA SELEPAS KEMATIAN



**JUN 2022**

**10,357**

**JANTUNG**

**8**

**JANTUNG & PARU-PARU**

**1**

**HATI**


**DEWASA KANAK-KANAK**

**5**

**3**

**BUAH PINGGANG**

**10,261**



SUMBER: CENCUS KKM JUN 2022



**DERMA ORGAN**